



22112823



International Baccalaureate®
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

MALAY AB INITIO – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS AB INITIO – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO AB INITIO – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Friday 13 May 2011 (afternoon)
Vendredi 13 mai 2011 (après-midi)
Viernes 13 de mayo de 2011 (tarde)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS


- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'Épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

MELAWAT ZOO TAIPING



Pada musim cuti sekolah yang lepas, saya dan keluarga saya melawat Zoo Taiping. Zoo Taiping terletak di Taman Tasik Taiping. Ia dikelilingi alam semula jadi yang hijau serta sungai dan tasik yang cantik. Zoo Taiping boleh dilawati pada waktu siang atau malam. Ia sangat terkenal dalam kalangan pelancong dari dalam dan luar negara.

- 5 Zoo ini mempunyai lebih 1300 ekor haiwan daripada 180 spesies haiwan yang terdiri daripada burung, reptilia dan mamalia. Para pengunjung boleh melihat haiwan-haiwan di sini dari dekat kerana haiwan-haiwan tersebut diletakkan di dalam kandang yang terbuka. Kami sangat teruja melihat haiwan-haiwan di sini. Kami melihat burung-burung berterbang ke sana sini, badak air bermain-main di sungai serta harimau yang berjalan ke sana sini.
- 10 Program “*Night Safari*” atau “Pengembaraan Malam” juga popular dalam kalangan pengunjung zoo. Melalui program ini, para pengunjung boleh melihat tabiat haiwan pada waktu malam. Mereka boleh melihat kehidupan harimau yang aktif pada waktu malam sahaja serta mendengar bermacam-macam jenis bunyi haiwan yang tidak pernah mereka dengar sebelum ini. Kami juga menyertai program ini.
- 15 Peserta program “*Night Safari*” ini tidak dibenarkan membawa kamera atau lampu suluh. Abang saya berasa kecewa kerana tidak dapat mengambil gambar aksi haiwan kesukaannya. Seorang pelancong dari England pula ditegur pegawai zoo kerana dia cuba memberi pisang kepada beberapa ekor monyet di situ. Baru saya tahu, para pengunjung juga tidak boleh memberi makan atau mengganggu haiwan-haiwan di sini.
- 20 Bayaran masuk ke zoo ialah enam belas ringgit untuk orang dewasa dan sepuluh ringgit untuk kanak-kanak. Program “*Night Safari*” ini dibuka dari pukul 8.00 malam hingga 11.00 malam setiap hari, kecuali hari cuti umum.

Disesuaikan daripada *Dewan Pelajar* (Ogos 2005)

TEKS B

H O B I



Hobi ialah aktiviti yang kita lakukan untuk mengisi masa lapang kita. Hobi yang kita pilih menunjukkan minat kita. Hobi boleh dilaksanakan di rumah atau di luar rumah. Ada pelbagai hobi yang berfaedah seperti bersukan, membaca, menari dan membuat kraftangan. Bersempang di internet serta berkomunikasi melalui jaringan sosial seperti

5 *Facebook* dan *Twitter* merupakan hobi yang popular pada masa sekarang.

Sesetengah hobi tidak memerlukan wang untuk melakukannya. Contohnya, kita tidak perlu wang untuk membaca, menulis atau menari. Akan tetapi, terdapat hobi lain yang memerlukan wang untuk melaksanakannya. Antara hobi yang memerlukan wang ialah lumba kereta, melancong, belayar, mengumpul barang antik, bermain golf dan

10 banyak lagi.

Hobi ada banyak kebaikannya. Hobi yang berbentuk sukan atau senaman seperti bermain bola sepak, mengamalkan yoga atau taekwondo dan bersilat sangat baik untuk kesihatan badan. Orang yang selalu bersukan akan menjadi aktif serta memiliki bentuk badan yang sihat. Orang yang gemuk pula dapat mengurangkan berat badan mereka

15 melalui sukan atau senaman.

Hobi yang baik juga dapat mengelak golongan remaja daripada melakukan aktiviti sosial yang tidak sihat seperti lumba haram, merempit di jalan raya, melepak, bergosip dan sebagainya.

Jika kita mempunyai hobi, kita akan menggunakan masa lapang kita dengan baik.

20 Kita tidak akan membazirkan masa lapang kita dengan aktiviti yang tidak berguna seperti bergosip, bersempang-sempang kosong dan bermalas-malasan.

Kadang-kala, kita menghasilkan pelbagai jenis kraftangan seperti lukisan, bakul dan beg yang cantik sebagai hobi. Kraftangan tersebut boleh dijual untuk menambahkan pendapatan kita. Wang jualan kraftangan tersebut boleh kita simpan atau guna sebagai

25 wang poket.

Disesuaikan daripada *Dewan Siswa* (Oktober 2008)

TEKS C

BEKERJA SAMBIL BELAJAR



- ① Kini, ramai remaja suka bekerja sambil belajar. Remaja yang membuat kerja sambilan suka bekerja di restoran, hotel, kedai buku, pusat membeli-belah, pasar raya dan sebagainya. Ada remaja yang mencari kerja setelah tamat peperiksaan sekolah yang penting. Ada juga remaja yang bekerja sambil belajar.
- ② Remaja hari ini bekerja untuk pelbagai tujuan. Membuat kerja sambilan ada banyak kebaikannya. Kebaikan yang pertama ialah remaja tersebut mendapat wang poket untuk perbelanjaan harian mereka. Bagi remaja yang datang daripada keluarga yang miskin, wang pendapatan ini sangat penting untuk membantu keluarga mereka.
- ③ Seterusnya, remaja yang bekerja secara sambilan dapat menggunakan masa lapang mereka dengan baik. Jika mereka bekerja, mereka tidak akan membuang masa dengan berlepak-lepak atau berbual-bual kosong bersama kawan-kawan mereka sepanjang hari.
- ④ Remaja yang bekerja sambil belajar perlukan disiplin diri yang baik. Mereka terpaksa merancang aktiviti sehari-hari mereka dengan baik kerana hidup mereka sentiasa sibuk. Mereka perlukan disiplin yang tinggi untuk masuk kerja tepat pada waktunya. Mereka juga perlu disiplin dalam mengurangkan aktiviti sosial mereka. Jika tidak, mungkin susah untuk mereka berjaya dalam pelajaran dan pekerjaan mereka.
- ⑤ Bekerja secara sambilan memberi peluang kepada remaja untuk memperbaiki kemahiran komunikasi mereka. Contohnya, remaja yang bekerja dalam bidang perhotelan akan diajar cara berkomunikasi dengan pelanggan. Mereka juga perlu meningkatkan kemahiran bahasa mereka untuk menjalankan kerja mereka dalam bidang perhotelan dengan baik.
- ⑥ Seterusnya, remaja yang bekerja sambil belajar juga perlu mengembangkan sifat-sifat seorang pekerja yang baik. Mereka perlu bertoleransi, hormat-menghormati dan bekerjasama dengan orang lain di tempat kerja.



Disesuaikan daripada *Dewan Siswa* (November 2007)

TEKS D

BLOG DAN REMAJA

Di sana sini orang memperkatakan blog. Dekad ini, dianggap ledakan blogosfera. Kini, jumlah laman blog dan pemblog bertambah sebanyak 20 % setiap bulan. Ada orang berpendapat, blog akan mengambil alih peranan yang dimainkan oleh media cetak seperti majalah dan surat khabar pada suatu hari nanti.

Blog dan memblog ialah fenomena baru yang menarik. Dahulu orang menggunakan blog untuk membuat catatan harian atau sebagai diari. Perkembangan teknologi internet telah membuka dan memperluas fungsi blog. Kini, terdapat blog yang pelbagai bentuk dan ragam. Daripada diari peribadi, blog telah berkembang sebagai media siber yang paling berpengaruh dan berkesan pada hari ini. Blog menjadi saluran alternatif untuk menyuarakan pendapat dan berdebat secara matang. Ia juga membantu pemblog memperbaiki kemahiran menulis mereka berdasarkan komen dan pendapat yang diberikan oleh orang yang melawat blog mereka.

Blog ialah singkatan perkataan *weblog*. Istilah ini digunakan oleh Jorn Barger pada tahun 1997. Ada pemblog yang berminat untuk menulis tentang politik, isu semasa, alam sekitar, hiburan, masalah sosial dan banyak lagi. Golongan remaja pula lebih tertarik kepada jaringan sosial seperti *Friendster*, *Flixster*, *Facebook*, *Twitter* dan banyak lagi.

Blog terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai akses internet. Ramai remaja menggunakan blog untuk mempopularkan diri mereka. Jika remaja mahu blog mereka menjadi popular, mereka perlulah menulis tentang perkara-perkara yang menarik perhatian pembaca. Perkara yang mereka tulis juga perlu sesuai dengan minat pembaca. Mereka boleh menulis tentang perkara-perkara seperti komputer, selebriti bola sepak, filem, fesyen dan sebagainya. Bukan itu sahaja, remaja tersebut juga perlu menulis dengan gaya yang menarik supaya pembaca suka dan tertarik untuk terus membaca blog mereka.

Remaja yang mahu mempopularkan blog mereka juga perlu rajin membalaik komen yang ditinggalkan oleh orang yang melawat blog mereka. Hal tersebut akan menyebabkan orang lain kembali melawat blog mereka untuk membaca komen balas tersebut. Seterusnya, mereka juga perlu rajin melayari blog orang lain. Remaja tersebut juga boleh meninggalkan komen yang menarik dalam blog-blog itu supaya orang lain mengenali mereka. Mereka juga boleh meninggalkan alamat atau pautan blog mereka sendiri serta pautan blog-blog lain yang popular. Hal tersebut pasti akan mengundang ramai pemblog yang lain untuk melawat blog mereka.

Aktiviti mempopularkan blog boleh membawa pelbagai faedah jika remaja mempromosikan blog mereka dengan cara yang betul.

Disesuaikan daripada *Dewan Siswa* (Julai 2008)